

Malaysia guna dana sendiri bangun negara

BH- 15/6/2007.

Kerajaan bayar balik 10 peratus pinjaman luar sebelum tarikh matang

MALAYSIA tidak terlalu bergantung kepada pinjaman luar untuk membangunkan negara, sebaliknya menggunakan dana tempatan untuk tujuan itu, kata Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Ketika negara lain banyak bergantung kepada pinjaman luar, Malaysia mempunyai dana domestik mencukupi untuk digunakan bagi melaksanakan projek pembangunan yang memberikan impak positif terhadap ekonomi, katanya.

"Kita tidak membuat pinjaman luar tetapi gunakan dana tempatan. Inilah kelebihan kita. Kerajaan meminjam hampir 90 peratus daripada dana tempatan, hanya 10 peratus pinjaman luar negara," katanya dalam program "Bicarawara Bersama Menteri" di RTM1, kelmarin.

Dana tempatan itu termasuk Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), katanya.

Nor Mohamed berkata, kerajaan

juga membayar balik 10 peratus pinjaman luar negara sebelum tarikh pinjaman matang.

"Negara lain, kebanyakan membayar balik mengikut jadual atau minta menjadualkan semula untuk membayar kemudian. Kita selalu membayar lebih awal," katanya.

Malaysia, katanya, membuat pinjaman luar untuk penerangan bergerak bagi mempromosikan Malaysia.

"Pinjaman itu satu alasan saja," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa berdisiplin ketika berbelanja dan hanya membuat pinjaman dalam negeri untuk program pembangunan, manakala bagi perbelanjaan seperti gaji dan sewa, ia adalah daripada punca pendapatan kerajaan.

Nor Mohamed berkata, Malaysia sentiasa mengamalkan pendekatan pragmatik dalam menguruskan ekonominya.

Katanya, Malaysia, akan melaksanakan kaedah paling praktikal ketika berhadapan krisis ekonomi.

Beliau berkata, ketika negara di-

landa krisis kewangan pada 1997/98, kerajaan tidak meminjam walau "sesen" pun daripada mana-mana pihak, tetapi berjaya menanganinya dengan acuan sendiri sehingga kaedah itu diiktiraf Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia sebagai cara tepat.

"Itu satu penghormatan kepada negara kita," katanya.

Nor Mohamed berkata, pengalaman Malaysia mengatasi krisis dengan ca-

ra tersendiri mampu diguna pakai dan dijadikan asas untuk masa hadapan.

"(Namun) dalam tempoh 50 tahun akan datang, mungkin kita akan hadapi cabaran dan krisis (lain). Banyak krisis dan cabaran yang mungkin dihadapi susah untuk diramal dan (mungkin) dalam bentuk berlainan, pada masa tidak disangka tetapi kerana kita sudah lalui proses pembelajaran dan keberanian ini, kita memang ada kemampuan dan keupayaan untuk melalui mana-mana krisis.

"Apa yang penting, kita mesti sentiasa bersedia dan mempelajari ilmu pengetahuan baru dalam konteks era baru," katanya.

Mengenai prestasi ekonomi negara, Nor Mohamed berkata, angka yang dikeluarkan kerajaan adalah betul dan boleh dipercayai.

Antaranya ialah peningkatan nilai pasaran kepada RM1 trilion baru-baru ini daripada RM640 bilion pada 2003 serta perdagangan negara yang mencecah RM1 trilion tahun lalu. - Bernama

FAKTA NOMBOR

Prestasi ekonomi negara

RM1 trilion

Peningkatan nilai pasaran

RM106b

Kekayaan dijana syarikat berkaitan kerajaan